

Sheik mahukan lebih banyak pertandingan

Berita Harian, 6 April 1995, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL20452

Printer-Friendly Page

Sheik mahukan lebih banyak pertandingan

Sebagai persiapan pertahan kejuaraan di Sukan SEA **SILAT**

Oleh **MOHD SANI ALI**

JUARA silat dunia, Sheik Alauddin Yaacob, inginkan lebih banyak pertandingan sebagai persiapan untuk pertahankan pingat emasnya di Sukan SEA Chiangmai hujung tahun ini.

Menurut Sheik, selaku juara dunia dan juara bertahan, beliau tidak harus berdiam diri, malah perlu juga bersiap sedia.

"Saya perlu menyertai pelbagai kejohanan atau pertandingan di luar negeri untuk mengukur tahap keupayaan saya," kata Sheik semalam.

Juara kelas terbuka itu selanjutnya berkata: "Buat ketika ini belum ada pesilat setempat yang terbaik untuk dijadikan rakan *sparing* dalam kategori saya."

Sheik juga menerangkan, beliau hanya menjalankan latihan harian seperti biasa, baik secara sendiri mahupun bersama Skuad Nasional di pekarangan Persatuan Rakyat di Kallang tiga kali seminggu.

"Tetapi ini tidak memadai. Latihan tanpa ujian tidak akan memberi kesan dan tentunya saya tidak dapat mengukur sejauh mana tahap ketangkasan atau kemampuan saya yang sebenarnya," tambah beliau.

Sheik juga sedar yang beliau perlu mempersiapkan diri secukup-cukupnya sebelum turun ke gelanggang.

"Seandainya saya turun ke gelanggang tanpa mempersiapkan diri, ini bererti saya tidak berlaku adil bukan sahaja kepada diri saya sendiri,

akan dihantar untuk menyertai kejohanan-kejohanan tersebut ataupun tidak. Ini bergantung kepada pihak jawatankuasa latihan ataupun pentadbiran untuk memutuskannya," katanya.

Sheik juga menyatakan beliau agak bertuah kerana mencrima sokongan moral daripada pihak-pihak tertentu, termasuk penaja.

Juara dunia itu juga berbesar hati kerana perhatian yang ditunjukkan oleh ketua pengarah eksekutif Persatuan Rakyat, Encik Lee Chiong Giam, yang juga Duta Singapura ke Papua New Guinea.

"Kata-kata perangsang daripada Encik Lee, turut menguatkan lagi semangat saya bagi mempertahankan kejuaraan saya di Chiangmai nanti," jelas Sheik.

bahkan kepada pihak yang menghantar saya ke sesuatu kejohanan itu."

Sheik menambah, beliau menjalani latihan fizikal dengan mengadakan latihan angkat berat setiap hari.

"Saya agak bertuah kerana mempunyai tempat tersendiri untuk menjalani latihan bina badan," katanya, "malangnya, yang kurang ialah latihan ujian. Dan saya benar-benar memerlukan pertandingan ujian."

Beliau selanjutnya berkata, terdapat beberapa pertandingan di rantau ini terutama di Malaysia dan Indonesia yang boleh disertai oleh Persatuan Silat Singapura (Persi-si).

"Tetapi sejauh ini saya tidak dapat menyatakan sama ada para pesilat nasional